



KENYATAAN MEDIA

LAPORAN PRESTASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT

ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

BAGI TAHUN 2020

Terlebih dahulu Zakat Pulau Pinang, MAINPP (ZPP) ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada para Muzakki (pembayar zakat) khasnya dan seluruh masyarakat Islam umumnya yang telah bersama-sama ZPP dalam menyantuni asnaf sepanjang tahun 2020. Sebagaimana yang dijanjikan, zakat yang anda tunaikan di ZPP telah kami agihkan kepada mereka yang benar-benar layak.

JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL

Sebagai makluman, pada tahun **2020**, jumlah keseluruhan kutipan zakat yang telah berjaya dikutip oleh ZPP adalah sebanyak **RM130,857,624.07**

JUMLAH KUTIPAN ZAKAT HARTA DAN ZAKAT FITRAH

Jumlah keseluruhan kutipan zakat adalah merangkumi kutipan Zakat Harta dan Zakat Fitrah.

Pada tahun **2020**, prestasi kutipan **Zakat Harta** mencatatkan jumlah sebanyak **RM125,297,037.26** berbanding kutipan **Zakat Harta 2019** yang merekodkan jumlah sebanyak **RM116,364,840.21**. Kadar ini menunjukkan **peningkatan** sebanyak **7.6%**.

Manakala prestasi kutipan **Zakat Fitrah 1441H (2020)** adalah sebanyak **RM5,560,586.81** berbanding kutipan **Zakat Fitrah 1440H (2019)** iaitu sebanyak **RM5,066,361**.

BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT HARTA

Pada tahun **2020**, bilangan pembayar zakat harta adalah seramai **70,677 orang** berbanding pada tahun **2019** seramai **67,149 orang**. Jumlah ini menunjukkan **peningkatan** seramai **3,528 orang** atau sebanyak **5.25%**.

JUMLAH KUTIPAN KAUNTER ZAKAT

ZPP mempunyai sembilan (9) kaunter cawangan di seluruh negeri Pulau Pinang termasuk sebuah Van Kaunter Bergerak. Berikut adalah prestasi kutipan zakat di semua kaunter ZPP bagi tahun 2020:

BIL	KAUNTER	KUTIPAN
1	Bandar Perda	RM105,095,640.38
2	Bayan Baru	RM6,979,694.73
3	Kepala Batas	RM5,715,417.49
4	Lebuh Buckigham	RM3,040,369.26
5	Taman Selat	RM1,948,272.85
6	Nibong Tebal	RM1,304,820.04
7	Balik Pulau	RM861,332.81
8	Masjid Negeri	RM344,295.70
9	Kaunter Bergerak	RM7,194.00

JUMLAH KUTIPAN SKIM SAKINAH (BAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI BULANAN)

Pada tahun 2020, Skim Potongan Zakat Bulanan (SPZB) telah dijenamakan semula sebagai Skim Sakinah.

Prestasi kutipan zakat Skim Sakinah pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM58.2 juta** berbanding pada tahun **2019** iaitu sebanyak **RM52.4 juta**. Kadar **peningkatan** sebanyak **RM5.7 juta** atau **11%**.

JUMLAH AGIHAN ZAKAT

Pada tahun **2020**, ZPP telah berjaya mengagihkan sebanyak **RM126.5 juta** berbanding pada tahun **2019** yang merekodkan jumlah sebanyak **RM112.4 juta**. Kadar **peningkatan** sebanyak **12.5%**.

ZPP telah berjaya mengagihkan sebanyak **96.8%** daripada jumlah kutipan zakat pada tahun 2020 berbanding sekitar **91%** pada tahun 2019.

BILANGAN PENERIMA AGIHAN ZAKAT

Pada tahun **2020**, jumlah bilangan penerima zakat adalah sebanyak **41,690 orang** berbanding pada tahun **2019** iaitu seramai **31,821 orang**. Kadar **peningkatan** seramai **9,869 orang** atau sebanyak **31%**.

JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF TAHUN 2020

Pada tahun 2020, pecahan jumlah agihan zakat mengikut asnaf adalah seperti berikut :

BIL	JENIS ASNAF	AGIHAN
1	Fakir	RM5,235,436.93
2	Miskin	RM40,036,324.07
3	Amil	RM16,406,161.11
4	Muallaf	RM1,500,000.00
5	Ghorimin	RM3,040,879.29
6	Ibnu Sabil	RM45,157.90
7	Fisabilillah	RM60,317,614.91

BANTUAN KHAS COVID-19 TAHUN 2020

Untuk makluman, ZPP merupakan institusi zakat paling awal telah bergerak dan mara ke hadapan dalam menyantuni masyarakat Islam yang terjejas akibat Pandemik

COVID-19. Di negeri Pulau Pinang sebanyak **RM15.9 juta** (22 Mac sehingga 31 Disember 2020) bantuan khas telah disalurkan dengan jumlah penerima seramai **27,532 orang**. Jenis-jenis bantuan khas berkenaan adalah seperti berikut :

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH
1	Bantuan Peniaga Kecil / Penjaja	RM2,625,000.00
2	Bantuan Asnaf Putus Belanja (Kariah & Persatuan)	RM1,135,440.00
3	Bantuan Sara Hidup Bulanan	RM2,629,300.00
4	Bantuan Makanan Bulanan	RM328,844,65.00
5	Bantuan Nyahkuman Masjid & Surau	RM252,400.00
6	Bantuan Pemandu E-Hailing / Pekerja Gaji Harian	RM1,884,500.00
7	Bantuan Guru Agama dan Tahfiz	RM733,000.00
8	Bantuan Masyarakat Rohingnya	RM40,000.00
9	Bantuan Nur Ramadan	RM2,158,100.00
10	Bantuan Saguhati Hari Raya	RM4,079,050.00

Semoga usaha yang dilakukan oleh ZPP sepanjang tahun 2020 dan tahun-tahun mendatang akan beroleh keberkatan di sisi Allah swt dan sama-sama kita berdoa agar matlamat ZPP untuk memacu keharmonian ummah sentiasa dipermudahkan olehNya.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang /
YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
4hb Februari 2020